



# **KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

## **CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

### **PANDUAN FIRMA TERBITAN SAHAM DAN PENDAFTAR SAHAM**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) .....	1
<b>OPERASI AM INDUSTRI.....</b>	<b>1</b>
Firma Penerbit Saham.....	1
Firma Pendaftar Saham.....	4
<b>TUNTUTAN CUKAI INPUT.....</b>	<b>7</b>
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>7</b>
<b>MAKLUMBALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>10</b>
<b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>10</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan ini disediakan untuk membantu anda memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya kepada firma penerbit saham dan firma pendaftar saham.

### **Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang juga dikenali sebagai Cukai Nilai Tambah di negara lain adalah cukai ke atas kepenggunaan terakhir barang dan perkhidmatan. Berbeza dengan sistem cukai jualan yang merupakan satu bentuk cukai seperingkat, CBP adalah cukai berperingkat. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rantai pengeluaran dan pengedaran, akhirnya ia akan dipindahkan kepada pengguna. Oleh itu, cukai tersebut tidak merupakan kos kepada perniagaan dan tidak wujud sebagai satu perbelanjaan dalam penyata kewangan perniagaan.

3. Orang yang berdaftar di bawah CBP adalah dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas output pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang di bekalkan kepada pelanggannya. Ia dibenarkan membuat tuntutan kredit ke atas apa-apa CBP yang ditanggung (cukai input) ke atas pembeliannya yang merupakan input kepada perniagaannya. Pelanggannya, jika juga dalam perniagaan membuat pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai, boleh juga menuntut kredit ke atas CBP yang dibayar ke atas input. Oleh itu, cukai berganda dapat dielakkan dan hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai

## **OPERASI AM INDUSTRI**

4. Firma penerbit saham dan firma pendaftar saham memainkan peranan penting dalam pengurusan portfolio pelabur dan aktiviti korporat lain syarikat.

### **Firma Penerbit Saham**


5. Firma terbitan saham memainkan peranan yang sangat penting sebagai perantara diantara syarikat-syarikat yang mencari modal melalui Terbitan Saham

Awam (IPO) dan pelabur yang melanggan sekuriti penerbit. Apabila syarikat telah berkembang di suatu tahap tertentu dan mencari pertumbuhan tahap baru melalui kejayaan penyenaiaan dan penjanaan modal di bursa saham, ia memerlukan perkhidmatan firma penerbit saham. Ia dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bekerja rapat dengan Bursa Malaysia Securities Bhd (BMSB) dan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. Permohonan dan pengundian bagi saham baru dikendalikan oleh Malaysia Issuing House (MIH). Firma terbitan saham menyediakan perkhidmatan penerbitan saham kepada pelanggan yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Antara perkhidmatan yang dibekalkan ialah:

- (a) Menyediakan jadual senarai untuk konsultasi dengan penasihat terbitan saham awam dan pelanggan yang ingin menawarkan terbitan saham awam;
- (b) Memberi khidmat nasihat mengenai format, isi kandungan dan kuantiti borang permohonan yang akan dicetak;
- (c) Mengkaji semula salinan deraf borang permohonan tawaran saham awam, sampul surat dan prospektus sebelum dihantar untuk dicetak;
- (d) Mengagihkan prospektus syarikat, borang permohonan terbitan saham awam dan sampul surat saham berkenaan kepada broker saham, institusi kewangan dan orang awam;
- (e) Menghubungi bank dan syarikat kewangan yang turut mengambil bahagian dalam IPO berkaitan untuk memaklumkan pihak-pihak bank mengenai tarikh bermulanya permohonan saham secara elektronik boleh dibuat;
- (f) Menerima, menyisih dan mengira permohonan;
- (g) Menerima data elektronik mengenai permohonan secara elektronik (ESA);
- (h) Membentangkan rumusan ke atas pengagihan saham kepada pelanggan untuk kelulusan dan mengaturkan cabutan berkomputer jika berlaku lebih langganan;
- (i) Memaklumkan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan orang awam mengenai keputusan langganan;

- (j) Memproses katogeri permohonan awam yang telah dibuat undian (cabutan) termasuk permohonan yang dirizabkan (simpanan), saham bahagian pekerja dan pengarah yang layak, peruntukan yang diberi keutamaan untuk kumpulan tertentu, penetapan dan peruntukan khas yang diluluskan oleh MITI;
- (k) Mengembalikan permohonan yang tidak berjaya kepada pelabur;
- (l) Memaklumkan kepada bank/syarikat kewangan yang mengambil bahagian dalam tawaran saham awam mengenai permohonan yang berjaya, tidak berjaya atau permohonan simpanan;
- (m) Mencetak, mengesahkan dan menghantar notis pengagihan kepada pemohon yang berjaya dan sijil saham kepada Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd.;
- (n) Menyediakan senarai pemegang saham;
- (o) Mengujudkan Akaun Bank Terbitan Saham untuk kegunaan penerbitan;
- (p) Menyimpan dan melabur keuntungan yang diperolehi daripada tawaran awam awal (IPO) ke dalam instrument pasaran wang bermula dari masa pungutan hinggalah kepada penyenaian dan sebut harga saham. Keuntungan IPO dan faedah yang diperolehi (tolak amaun yang dipersetujui disimpan oleh firma penerbit untuk membayar perbelanjaan) hendaklah diberikan kepada syarikat yang menerbitkan (menawarkan) saham hanya setelah pengesahan penyenaian dan sebut harga saham diperolehi;
- (q) Membayar balik baki wang permohonan kepada pemohon yang berjaya sebahagian sahaja daripada jumlah saham yang dipohon;
- (r) Menyimpan amaun wang yang dipersetujui dalam Akaun Bank Terbitan Saham bagi membayar perbelanjaan berkenaan terbitan tersebut;
- (s) Memaklumkan kepada Bursa Malaysia Sdn. Bhd. mengenai notis pengagihan kepada pemohon yang berjaya.

**Rajah A: Gambaran penyelesaian IPO.**




### **Firma Pendaftar Saham**

6. Firma Pendaftar Saham menyediakan rangkaian penuh perkhidmatan pendaftaran saham bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad dan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia Berhad (MESDAQ).

7. Perkara yang paling penting ialah perkhidmatan pendaftar saham termasuk mengekalkan dan mengemaskinikan Daftar Utama Ahli (Pendaftar Utama) syarikat dalam mematuhi Akta Syarikat 1965 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan di bawah perundangan negara. Infrastruktur pendaftaran pemegang saham boleh disesuaikan dengan mana-mana jenis struktur pegangan saham dan jenis pemegang saham daripada pemegang saham individu kepada pelabur institusi.

### Rajah B: Perkhidmatan Yang Disediakan oleh Firma Pendaftar Syarikat



8. Perkhidmatan yang disediakan oleh firma Pendaftar Saham dikenakan CBP seperti di Rajah B di atas dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard adalah seperti berikut:

- (a) Menyelenggara dan mengemaskinikan daftar saham selaras dengan Akta Syarikat 1965, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan/atau perundangan lain berkaitan yang tidak disebutkan;
- (b) Menyediakan maklumat pengurusan dengan melayani segala surat menyurat dan pertanyaan daripada pemegang saham Pelanggan dan mana-mana pihak yang berminat berkaitan dengan Pendaftar Utama termasuk berkaitan perubahan nama dan alamat, penggantian sijil yang hilang(dimana perlu), waran dividen, pendaftaran kuasa peguam, surat-surat pentadbiran, pemberian sijil pengesahan wasiat, pampasan, perintah mahkamah dan apa-apa perkara berkaitan;
- (c) Memproses dan mendaftar pertukaran tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu oleh Bursa, pembatalan sijil pertukaran, menyediakan sil, tandatangan, audit dan penyerahan sijil berdaftar kepada penukar atau broker saham yang ingin mendaftar (jika perlu);

- (d) Menyediakan, menandatangani dan menyerahkan waran dividen dan menyelaraskan akaun dividen kecuali diserahkan kepada Pendaftar Wang yang Tidak Dituntut selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965;
- (e) Mengaudit kesemua sijil pertukaran yang dibatalkan, sijil yang sepatutnya dikeluarkan (jika perlu) dan waran dividen;
- (f) Menyerahkan atau menghantar melalui pos segala notis, pekeliling dan laporan tahunan kepada pemegang saham;
- (g) Berhubung dengan Depository untuk memudahkan pendepositan saham, mendapat laluan kepada Rekod Pendeposit, perangkaan penerangan pemegang saham dan untuk tujuan Mesyuarat Tahunan dan/atau Luarbiasa, atau apa-apa tindakan korporat.
- (h) Membekalkan maklumat kepada Depository berkaitan tarikh tutup tempahan dan pembayaran;
- (i) Menyediakan senarai kehadiran mesyuarat am tahunan dan luarbiasa termasuk mengendalikan pengundian jika perlu;
- (j) Menyediakan laporan tetap atas pergerakan saham;
- (k) Mengatur pengiklanan tarikh tutup tawaran saham;
- (l) Menyediakan maklumat untuk Pembentangan Laporan Tahunan yang termasuk berikut:
  - Analisa saiz dan jenis pemegang saham,
  - Senarai tiga puluh pemegang saham terbesar;
- (m) Menyediakan perkhidmatan untuk melaksanakan lain-lain aktiviti korporat (Terbitan Bonus/Hak dan Pembayaran Dividen) termasuklah peruntukan maklumat berikut:
  - lebihan pemohon;
  - senarai pengagihan yang berjaya.
- (n) Lain-lain perkhidmatan yang disediakan pada masa dan asas kos bahan mentah berpatutan:



- label mel;
- senarai induk dividen;
- senarai induk bonus;
- senarai terbitan hak;
- Pendaftar Utama;
- senarai pemegang saham utama;
- analisa pemegang saham dan pengagihan dari segi saiz pemegang saham dan peratusannya;
- analisis pegangan modal saham; dan
- senarai lain yang tidak dinyatakan yang diperlukan oleh pelanggan.

## **TUNTUTAN CUKAI INPUT**

9. Firma Penerbit Saham dan Pendaftar Saham membuat pembekalan bercukai iaitu membekalkan perkhidmatan pengurusan dalam memuktamadkan terbitan IPO dan perkhidmatan pendaftaran saham kepada syarikat awam tersenarai. Apa-apa cukai input yang ditanggung dalam menguruskan perkhidmatan boleh dituntut.

## **SOALAN LAZIM**

### **Pendaftaran**

**S1. Saya adalah sebuah firma terbitan saham dan juga pendaftar saham. Adakah saya perlu mendaftar?**

J1. Ya, anda perlu mendaftar jika perolehan tahunan bercukai syarikat anda telah melebihi nilai ambang.

### **Tuntutan cukai input**

**S2. Syarikat saya menerima dua jenis pendapatan, iaitu yuran terbitan saham dan komisen pembrokeran dan juga menanggung CBP ke atas**

**perbelanjaan saya. Bolehkah saya menuntut CBP yang ditanggung ke atas perbelanjaan saya?**

J2. Anda boleh menuntut CBP yang ditanggung ke atas perbelanjaan anda sebagai cukai input dengan syarat bahawa input yang digunakan adalah untuk membuat pembekalan bercukai.

**S3. Memandangkan saya telah membeli alat tulis pejabat terdahulu secara pukal untuk kegunaan sepanjang tahun dari syarikat “ABC”, bolehkah saya menuntut kesemua cukai input terlibat dengan serta merta?**

J3. Ya, anda boleh menuntut kesemua cukai input serta merta, jika invois cukai telah dikeluarkan serta merta selepas pembelian.

**S4. Jika invois cukai dikeluarkan oleh syarikat “ABC” kepada kami dalam tempoh suku tahun, bagaimana caranya saya menuntut kredit cukai input?**

J4. Anda hendaklah menuntut kredit cukai input mengikut invois cukai diterima. Anda tidak boleh menuntut cukai input secara keseluruhan mengikut pembelian, setiap tuntutan kredit cukai input adalah mengikut invois cukai yang diterima.

**S5. Saya tidak dapat menggunakan alat tulis dalam tempoh bercukai tahun tersebut, jadi saya menggunakannya pada tempoh bercukai baru dalam tahun baru. Apa akan terjadi pada kredit cukai input yang telah dipotong? Adakah saya perlu membayar balik kepada kerajaan?**

J5. Tidak, anda tidak perlu membayar balik. Anda boleh menggunakan lebih alat tulis tersebut pada tahun bercukai baru dan anda tidak boleh menuntut sebagai cukai input kerana anda telah mengaunkannya dalam penyata CBP sebelumnya.

**S6. Selepas tempoh tiga bulan, saya masih tidak menerima bayaran daripada pelanggan, jadi saya terpaksa mengaun hutang yang tidak berbayar sebagai hutang lapuk, padahal sebagai orang berdaftar saya telah membayar CBP kepada kerajaan mengikut invois cukai dikeluarkan. Bolehkah saya menuntut CBP yang telah dibayar?**

- J6. Ya, anda boleh menuntut CBP yang telah dibayar secara keseluruhan daripada kerajaan tetapi anda hendaklah mematuhi beberapa syarat pelepasan hutang lapuk sebelum tuntutan anda di bayar balik.
- S7. Selepas saya menuntut CBP kena bayar kepada akaun tidak berbayar (Peruntukan Hutang lapuk) seorang daripada pelanggan saya kembali dan membayar keseluruhan hutang termasuk CBP. Adakah saya perlu membayar balik CBP kepada kerajaan?**
- J7. Ya, anda perlu mengakaunkan cukai output ke atas amaun yang telah dituntut.

#### **Yuran dan Komisen Broker**

- S8: Saya caj pelanggan saya dengan yuran firma penerbit di atas perkhidmatan yang diberikan. Apakah layanan CBP di atas perkhidmatan yang saya berikan?**
- J8: Perkhidmatan firma penerbit adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- S9. Semasa tempoh perantaraan dari tarikh pembukaan hingga tarikh cabutan, saya menerima keuntungan IPO dan memasukkan keuntungan ke dalam akaun bank. Saya menerima faedah yang selepas itu saya berikan kepada syarikat penerbit. Apakah layanan CBP ke atas faedah yang diterima?**
- J9. Faedah diterima yang diberikan kepada syarikat penerbit tidak tertakluk kepada CBP.
- S10. Saya menerima borang permohonan saham yang mempunyai cop rasmi firma broker, permohonan secara elektronik dari bank dan borang permohonan yang dicetak dalam akhbar. Bagi cabutan yang berjaya, saya memberikan komisen kepada firma broker yang berkenaan, bank dan pihak media. Apakah layanan CBP ke atas komisen broker yang dikenakan?**

J10. Semasa memberikan komisen broker, anda dikehendaki mengeluarkan invoice sendiri (invoice cukai) kepada firma broker berkenaan, bank dan pihak media. Didalam invoice sendiri, komisen broker dikenakan CBP pada kadar standard.

**S11. Sebahagian daripada borang permohonan berjaya mempunyai cop rasmi firma saya dimana saya akan menerima komisen daripada syarikat penerbit. Adakah komisen broker tersebut tertakluk kepada CBP?**

J11. Komisen broker anda juga tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

## **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

10. Maklumbalas atau pandangan amatlah dihargai. Maklumbalas dan pandangan anda boleh emel kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msahaimi@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

11. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:

- (a) Laman sesawang GST : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline GST : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Fax : 03-78067599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)